

Rokok seludup cabaran sebenar negara

» *Harga murah punca bilangan perokok remaja meningkat*

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan berdepan cabaran getir dalam menangani tabiat merokok dalam kalangan masyarakat berikutan penjualan rokok seludup yang semakin berleluasa.

Pengarah Pusat Sumber dan Penyelidikan Kanser (CaRE) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Latiffah Abdul Latiff, berkata masalah itu berpunca daripada rokok seludup yang dijual lebih rendah berbanding harga pasaran.

Beliau berkata, kajian pihaknya mendapati faktor itu adalah penyumbang utama kepada peningkatan bilangan perokok, terutama remaja.

“Paling membimbangkan, tabiat merokok kini semakin menular seawal usia muda, malah murid pun boleh membeli dan menghisap rokok seludup kerana harganya murah.

“Oleh itu, negara berdepan de-

ngan risiko penyeludupan rokok kerana ia turut dikaitkan dengan jenayah terancang di Malaysia.

“Kita tidak berniat untuk memperkecilkan usaha pasukan keselamatan, tetapi jika isu ini dibiarkan berleluasa, tidak mustahil pelbagai penyeludupan boleh berlaku seperti dadah dan permerdagangan manusia,” katanya kepada *BH*.

Sempena ‘Hari Tanpa Tembakau Sedunia’ pada 31 Mei lalu, kempen #taknakseludup bagi menyokong usaha Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) membasmi pembelian dan penjualan rokok seludup dilancarkan.

Dr Latiffah berkata, asap rokok seludup yang mengandungi toksik dan menyebabkan masalah kesihatan kepada masyarakat.

Memudaratkan perokok pasif
Kesan kepada perokok pasif itu, katanya, lebih memudaratkan berbanding masalah kesihatan dialami perokok tegar.

“Kerajaan bertanggungjawab melakukan siasatan, tinjauan dan memantau kandungan nikotin dalam rokok yang dijual di pasaran supaya tidak menyebabkan ketagihan melampau.

“Berbeza dengan rokok seludup kerana ia dibawa masuk secara haram menerusi sempadan dan perairan negara, sekali gus wujud keraguan terhadap kandungan



Poster amaran menjual rokok dan minuman keras seludup pada pelancaran Ops Pacak Siri Tiga di Kota Marudu.

[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

dan proses pembuatannya.

“Analisis kesihatan terhadap rokok seludup mendapati ia menyebabkan risiko kesihatan tiga kali ganda berbanding rokok biasa, selain menyebabkan pelbagai penyakit kronik,” katanya.

Antara masalah kesihatan itu, katanya, adalah penyakit saluran pernafasan kronik atau ‘Chronic Obstructive Airway Disease,’ radang paru-paru, angin ahmar dan serangan jantung.

Rokok seludup juga, katanya, mengandungan risiko kanser dalam kalangan perokok seperti

kanser paru-paru, mulut, kerongkong, payudara, perut dan usus.

“Justeru, penyelesaian alternatif seperti kempen berhenti membeli rokok seludup yang lebih kerap dan berkesan perlu dilaksanakan kerajaan dengan sokongan masyarakat,” katanya.

Dr Latiffah berkata, tabiat merokok sukar ditangani meskipun harga rokok di Malaysia adalah antara yang ketiga termahal dalam kalangan negara ASEAN.

Malah, katanya, perbandingan di antara negara ASEAN mendapati Malaysia mengenakan cu-



Asap rokok seludup mengandungi kandungan toksik berbahaya”

Prof Dr Latiffah Abdul Latiff,
Pengarah CaRE UPM

kai antara tertinggi terhadap penjualan rokok, selaras usaha untuk mengurangkan pembeliannya.

“Namun, penyeludup mengambil kesempatan untuk memasarkan rokok seludup dengan harga lebih murah berbanding harga ditetapkan kerajaan,” katanya.

Dr Latiffah yang juga pensyarah Fakulti Perubatan UM, berkata perokok sepatutnya sedar bahawa rokok seludup dijual pada harga murah kerana pembekal tidak menghiraukan kesannya terhadap masalah kesihatan pengguna.